



**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka





## Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, UiTM Cawangan Pahang

Zuria Akmal Saad<sup>1\*</sup>, Azmi Salim<sup>2</sup>, Naliza Solat<sup>3</sup>

<sup>1-3</sup>Faculty of Business management, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
zuria@pahang.uitm.edu.my, azmisalim@pahang.uitm.edu.my  
nalizas@pahang.uitm.edu.my

<sup>\*</sup>Penulis Rujukan

**Abstrak:** Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2010. Dasar ini diperkenalkan bagi menggalakan penghasilan graduan yang mempunyai nilai, pemikiran dan ciri-ciri keusahawan seperti kreatif, inovatif, berdaya saing dan mampu memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Rentetan itu, pembelajaran dan pengajaran ke arah keusahawanan telah diperkenalkan di universiti bagi memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai konsep keusahawanan. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kendiri keusahawanan di kalangan para pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTM Pahang. Seramai 78 orang pelajar tahun akhir dari Program BM118 dan BM232 telah menjawab soal selidik ini. Semua data yang diperolehi melalui instrumen dianalisa secara statistik deskriptif dan korelasi dengan menggunakan SPSS 22.0. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini telah diuji dan Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.87. Nilai skor min menunjukkan kesemua item tahap penilaian kendiri keusahawanan pelajar tahun akhir BM118 dan BM232 adalah pada tahap yang sederhana (min 3.72). Ujian Korelasi Pearson untuk hubungkait di antara pencapaian pelajar CGPA (tahap pencapaian akademik) dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan pula menunjukkan wujudnya korelasi positif yang signifikan tetapi lemah (0.286). Manakala hubungkait di antara Program dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar menunjukkan bahawa wujudnya korelasi positif yang signifikan tetapi lemah iaitu sebanyak 0.11. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati tahap penilaian kendiri keusahawanan para pelajar tahun akhir kedua-dua program adalah berada pada tahap sederhana. Pelajar juga secara keseluruhannya menunjukkan mereka masih ada kebimbangan dan masih memikirkan tentang faedah sampingan (*fringe benefits*) yang biasanya diterima oleh mereka yang dibayar gaji. Keputusan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pihak yang berkenaan bagi membantu meningkatkan tahap pembentukan konsep kendiri keusahawanan yang positif di kalangan para pelajar UiTM secara keseluruhannya.

**Kata Kunci:** Keusahawanan, Konsep Kendiri, Pelajar

### 1. Pengenalan

Terdapat pelbagai program kemahiran keusahawanan yang dibangunkan di kebanyakan institusi pendidikan tinggi (IPT). Pada dasarnya, program-program sebegini dilaksanakan bagi mendedahkan para pelajar dengan aspek perniagaan tidak sahaja secara teori bahkan secara praktikal. Kemahiran keusahawanan telah menjadi satu komponen penting dalam pendidikan negara dan ia merupakan antara tujuh elemen kemahiran insaniah. Ini merupakan satu pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bagi membangunkan Modal Insan, dengan objektif untuk menghasilkan graduan yang mempunyai ciri kebolehpasaran yang tinggi. Sehubungan itu, asas keusahawanan adalah antara kursus yang perlu diambil oleh para mahasiswa universiti bagi memenuhi agenda nasional negara.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya, penubuhan Pusat Pembangunan Keusahawanan Malaysia (Malaysian Entrepreneurship Development Center - MASMED) merupakan pencetus kepada pembangunan dan perkembangan program kemahiran keusahawanan di kalangan mahasiswa. Antara projek MASMED ini adalah mewujudkan Program Tunas Mekar, yang merupakan satu latihan keusahawanan dan perkongsian pintar antara graduan, pensyarah dan pengusaha industri kecil dan sederhana. Para pelajar diploma dan

sarjana muda Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Pahang juga tidak terkecuali dalam pelaksanaan ini. Para pelajar Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118) telah didedahkan dengan kursus Asas Keusahawanan pada semester 4 sementara para pelajar Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (BM232) pula perlu mendaftar kursus Principles of Entrepreneurship pada semester 5 pengajian masing-masing. Penambahan kursus keusahawanan sebegini adalah untuk melahirkan para graduan yang berminda usahawan serta mempunyai daya saing yang tinggi seterusnya berkeupayaan menyumbang idea dalam pembangunan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kebanyakan graduan lepasan institusi pengajian tinggi masih lagi memilih bekerja makan gaji. Trend pilihan sektor pekerjaan pada tahun 2014 menunjukkan 10.6% sahaja daripada graduan memilih usahawan sebagai kerjaya (Suhaila, Normazaini & Mohammad Arshad, 2015). Walau bagaimanapun, senario terkini memperlihatkan penawaran peluang kerja makan gaji yang agak terhad seterusnya mengakibatkan kebanyakan graduan yang baru menamatkan pengajian terpaksa menganggur lama. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (Mac 2016), kadar penyertaan tenaga buruh meningkat 0.1 mata peratus kepada 67.7 peratus pada Januari 2016 berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan tahun ke tahun pula menunjukkan kadar pengangguran meningkat 0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus bagi Januari 2016. Sehubungan itu, satu cara bagi keluar dari kemelut ini adalah dengan menggalakkan para graduan untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Kajian oleh Abdullah, Anum, Mohsin & Asmaet (2010), menyatakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dapat mewujudkan peluang pekerjaan untuk diisi oleh masyarakat seterusnya mengurangkan kadar pengangguran. Oleh itu, terdapat persoalan sama ada para pelajar tahun akhir bagi kedua-dua program di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan ini telah mempunyai sifat-sifat keusahawanan yang mencukupi dan berkemampuan untuk mendepani cabaran isu pengangguran ini.

## 2. **Penyataan Masalah**

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan budaya keusahawanan di kalangan graduan institusi pengajian tinggi namun kurang kajian yang memfokus kepada tahap sendiri pelajar. Walaupun pengajaran bidang keusahawanan telah luas diperkenalkan di pelbagai jurusan namun itu bukanlah faktor utama yang mempengaruhi pelajar memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Tanpa kemahiran dan ilmu keusahawanan yang betul, para graduan berkemungkinan mempunyai persepsi yang salah tentang konsep keusahawanan. Menurut Yusof Boon dan Azizi (2010), pendedahan awal kepada keusahawanan perlu diberikan kepada para graduan supaya mereka dapat menyesuaikan diri sekiranya sukar mendapatkan pekerjaan mengikut profesion masing-masing apabila tamat pengajian kelak. Ilmu keusahawanan yang cetek boleh menyebabkan kegagalan para graduan yang berminat untuk menceburkan diri dalam perniagaan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran. Memandangkan budaya keusahawanan sepatutnya dapat menjana ekonomi terutamanya kepada bumiputera dan orang Muslim, maka sewajarnya para mahasiswa menyedari garis panduan yang betul dalam menjalankan perniagaan. Ini bersesuaian dengan ayat *Al-Baqarah (2):275*, yang membawa maksud: “*Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*”. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kemahiran sendiri pelajar bagi mengetahui ciri-ciri keusahawanan yang ada pada diri mereka, seterusnya mengkaji adakah tahap sendiri keusahawanan ini dapat membantu mereka membuat keputusan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian ini bagaimanapun, hanya melibatkan penilaian sendiri pelajar-pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Pahang sahaja. Objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengkaji hubungan kait di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan pencapaian akademik.
2. Mengkaji hubungan kait di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan program yang diambil.

3. Mengukur tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar tahun akhir program BM118 dan BM232 di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan.

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas persoalan kajian seperti berikut:

1. Wujudkan hubung kait di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan pencapaian akademik?
2. Wujudkan hubung kait di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan program yang diambil?
3. Apakah tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar tahun akhir program BM118 dan BM232 di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan?

## **2.1 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada para pelajar tahun akhir program BM118 dan BM232 di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan sahaja. Dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada ketepatan maklum balas responden terhadap borang soal selidik yang diedarkan, oleh itu ia tidak dapat digeneralisasikan untuk semua pelajar tahun akhir di UiTM Pahang.

## **3. Kajian Literatur**

### **3.1 Konsep Kendiri**

Kendiri membawa maksud penilaian atau perasaan kita terhadap diri kita sendiri. Biasanya manusia boleh mengukur tahap kebolehan, kelemahan dan mengetahui tingkah laku diri mereka sendiri. Kebolehan manusia sering dikaitkan dengan perasaan kepercayaan terhadap diri dan juga dipengaruhi dengan faktor luar seperti persekitaran. Konsep kendiri ini juga dipengaruhi dari zaman kanak-kanak lagi iaitu bagaimana seseorang itu dididik semasa proses pembesarannya. Kajian daripada Rogers (1951) mendapati imej kendiri dibentuk dari tiga aspek utama iaitu pandangan terhadap diri sendiri, pandangan orang lain terhadap diri sendiri dan juga penilaian daripada pandangan orang lain terhadap diri kita, (Jamaluddin Ramli, nd). Dari kajian lain mengenai konsep kendiri, ianya dikaitkan dengan psikologi seseorang. Ianya adalah sebagai kepercayaan mencapai sesuatu objektif dan tindakan akan didorong oleh usaha ke arah mencapai objektif tersebut. Konsep kendiri seseorang dengan orang lain adalah berbeza-beza kerana bergantung kepada sejauh mana keinginan mereka untuk mencapai satu matlamat. Oleh itu, kajian juga berpendapat konsep kendiri ini adalah salah satu keinginan untuk mencapai objektif. Bersesuaian dengan konsep keusahawanan, konsep kendiri dikatakan bersama konsep keusahawanan kerana dalam perniagaan halangan dan cabaran adalah sesuatu yang harus ditempuhi oleh seseorang usahawan untuk berjaya dalam perniagaan (Bandura, 1997).

### **3.2 Konsep Kendiri dan Keusahawanan**


Kajian berpendapat bahawa, konsep kendiri adalah permulaan kepada niat untuk memulakan perniagaan. Secara logiknya apabila kita yakin dengan kebolehan diri kita, ianya dapat mendorong kita untuk lebih berani membuat sesuatu keputusan (Drnovs'ek, Wincent & Cardon, 2009), dipetik dari Kruger (2000). Proses pembelajaran yang diwujudkan di universiti pada dasarnya dapat membantu pelajar ke arah keusahawanan. Secara dasarnya apabila pelajar didedahkan dengan konsep keusahawanan, mereka akan mempunyai pengetahuan dan memahami konsep keusahawanan itu sendiri. Pendedahan seperti latihan membuat plan perniagaan dan simulasi mengendalikan perniagaan secara kecil-kecilan adalah pengalaman yang dapat dikuasai pelajar untuk menjadi usahawan. Kebarangkalian untuk menjadi seorang

usahawan juga dipengaruhi dengan pendedahan konsep sendiri keusahawanan dalam proses pembelajaran (Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, 2009). Oleh itu, kajian dari Chen, Greene and Crick (1998) telah menjelaskan bahawa konsep sendiri keusahawanan (*Entrepreneur Self Efficacy*) adalah sebab yang membezakan mereka yang tidak berminat terhadap keusahawanan. Selain itu, kajian mengesahkan bahawa konsep sendiri keusahawanan merupakan salah satu penghubung kait (mediating roles) di antara keinginan pelajar menjadi usahawan dan program keusahawanan. Pembelajaran yang diwujudkan di universiti haruslah dipelbagaikan di mana bukan sahaja memberi pendedahan kepada keusahawanan tetapi mengkhususkan keyakinan dan keberanian pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan, dipetik dari Zhao, Seibert, & Hills (2005).

Sejajar dengan perkembangan ekonomi di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan 19 kursus keusahawanan berakreditasi sejak tahun 1990 an lagi. Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian mendapati pelajar tidak pasti samada untuk memilih menjadi usahawan atau sebaliknya. Tahap keyakinan menjadi usahawan tidak bergantung kepada proses pembelajaran di mana pelajar yang berdaya saing juga tidak menjadikan seseorang itu berniat untuk menceburi keusahawanan (Xue Fa, David Yoon & Liang Chen (2011). Kajian mendapati bahawa pencapaian akademik tidak mempengaruhi minat seseorang untuk menjadi usahawan kerana untuk menjadi seseorang usahawan ianya ditentukan oleh dua perkara iaitu pilihan ataupun desakan. Hubungan di antara pencapaian akademik yang baik dan pilihan menjadi usahawan adalah sesuatu yang positif jika pelajar tersebut memilih untuk menjadi usahawan. Manakala pilihan menjadi usahawan atas desakan terjadi apabila pelajar tersebut tidak mempunyai pencapaian akademik yang baik dan dia terpaksa mencari pilihan lain untuk kerjayanya (Hen Chandra, 2013). Kajian lain pula mendapati, terdapat dua faktor mengapa mereka yang cemerlang dalam pelajaran tidak berminat ke arah keusahawanan. Pertama ialah kerana pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang dalam pelajaran adalah lebih mudah mendapat gaji yang lebih tinggi dan keduanya ialah risiko pendapatan yang tidak menentu dengan menguruskan perniagaan sendiri berbanding bekerja dengan organisasi lain, dipetik dari Kangasharju dan Pekkala, 2002., (Sizong Wu & Lingfei Wu, 2008).

Kajian Sizong Wu & Lingfei Wu (2008) menggunakan *Theory Plan Behavior (TPB)* dalam mengkaji hubungkait di antara tahap pembelajaran, bidang pembelajaran, pencapaian akademik dan pembelajaran keusahawanan. Daripada tiga element dalam *Theory Plan Behavior* hanya dua elemen yang positif hubungan iaitu *personal attitude* dan *perceived behavior control*. Kajian menjelaskan bahawa tahap pembelajaran ada hubung kait dengan *personal attitude* di mana pelajar diploma dan sarjana muda adalah lebih cenderung untuk memilih kerjaya ke arah keusahawanan daripada pelajar sarjana kerana sikap umur mereka muda sukakan kepada cabaran dan bersemangat. Manakala, pelajar sarjana pula kurang berminat disebabkan tuntutan masa dan kewangan yang lebih stabil. Bidang yang diambil oleh pelajar juga berkait dengan *personal attitude* dan *perceived behavior control* di mana pelajar dari bidang kejuruteraan mempunyai nilai yang tinggi minat terhadap keusahawanan daripada mereka yang belajar program yang berkaitan dengan keusahawanan. Oleh itu, ianya didapati bahawa bidang yang diambil bukanlah penentu kepada minat terhadap keusahawanan.

### 3.3 Kerangka Kajian (Framework)



Rajah 1. Kerangka Kajian (Framework)

## 4. Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap sendiri keusahawanan di kalangan pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, UiTM Pahang. Kajian ini melibatkan 78 orang

pelajar tahun akhir dari Program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Kajian ini memilih pelajar tahun akhir kerana menganggap pelajar ini telah bersedia untuk memasuki bidang pekerjaan setelah tamat pengajian. Kajian ini juga ingin melihat sama ada para pelajar tahun akhir mempunyai kecenderungan untuk memilih usahawan sebagai satu kerjaya pilihan mereka. Penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik ke atas sampel. Soalan kajian telah diadaptasi dari *Self Assessment Survey* (<http://wrdf.org/wp-content/uploads/Entrepreneur-Self-Assessment-Survey.pdf>). Soalan kajian telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengenai demografik dan bahagian kedua mengenai pengukuran tahap sendiri keusahawan pelajar yang menggunakan likert scale (1-Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4- Setuju, 5- Sangat Setuju). Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak strata.

## 5. Analisis

### 5.1 Ujian Kebolehpercayaan

Ujian menganggar kebolehpercayaan terhadap 20 item instrumen kajian telah dijalankan dan **Jadual 3.1** di bawah menunjukkan bacaan Cronbach's Alpha adalah 0.897. Dapatan ini membuktikan bahawa semua item di dalam konstruk adalah boleh diterima dan dipercayai (Nunnally, 1967, 1978 dalam Peterson, 1994).

**Jadual 3.1** Kebolehpercayaan Item

Cronbach's Alpha	N of Items
0.897	20

### 5.2 Latarbelakang Responden

Merujuk kepada **Jadual 3.2** responden bagi kajian ini terdiri daripada 78 orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (Kepujian) (BM232) dan program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118), Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Jengka, Pahang. Seramai 11 orang (14.10%) adalah pelajar lelaki, manakala taburan bagi responden perempuan adalah seramai 67 orang (85.90%). Majoriti responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir bagi program BM118 iaitu seramai 55 orang (70.51%) dan bagi pelajar BM232 pula seramai 23 orang (29.49%). Manakala dari segi prestasi akademik pelajar, seramai 38 orang (48.72%) adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat CGPA 2.50 – 3.00. Seramai 31 orang (39.74%) pelajar adalah mereka yang mendapat CGPA 3.01 – 3.49. Bagi pelajar yang mendapat CGPA di bawah 2.50 pula terdapat seramai 6 orang (7.69%). Pelajar-pelajar cemerlang akademik dengan CPGA 3.50 – 4.00 hanyalah seramai 3 orang (3.38%).

**Jadual 3.2** Latar belakang responden

<b>Jantina</b>	<b>%</b>
Lelaki	14.10
Perempuan	85.90
<b>Program</b>	<b>%</b>
BM118	70.51
BM232	29.49



CGPA	%
Kurang dari 2.50	7.69
2.50 - 3.00	48.72
3.01-3.49	39.74
3.50-4.00	3.85

**Jadual 3.3** di bawah menunjukkan hasil analisa deskriptif ke atas item-item kajian penilaian sendiri keusahawan pelajar.

**Jadual 3.3** Nilai Kecenderungan Memusat Bagi Konstruk Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar

Self Assessment Items	N	Mean	SD
Kesediaan bekerja 50 jam atau lebih seminggu	78	3.44	0.95
Sokongan keluarga	78	4.12	0.85
Sanggup menerima risiko kewangan & kerjaya	78	3.58	0.80
Tidak perlukan faedah sampingan	78	2.90	0.86
Bertanggungjawab sepenuhnya	78	4.09	0.78
Pengalaman kejayaan kewangan	78	3.95	0.87
Perasaan hebat apabila berjaya menyiapkan projek	78	4.23	0.82
Tahap tenaga yang tinggi utk jangkamasa lama	78	3.72	0.74
Seronok mengawal sendiri tugas dan keputusan	78	3.92	0.77
Bertanggungjawab atas kejayaan atau kegagalan	78	4.14	0.70
Keinginan kuat untuk memperoleh keputusan positif	78	3.95	0.82
Kefahaman yang baik mengurus perniagaan	78	3.51	0.77
Mampu berfungsi walau dalam keadaan sukar	78	3.56	0.88
Ibu bapa adalah seorang usahawan	78	3.04	1.36
Percaya pada kebolehan dan kemahiran sendiri	78	3.32	0.89
Dipercayai dan disenangi	78	3.65	0.79
Menyiapkan setiap projek yang dimulakan	78	3.92	0.83
Sanggup melakukan sesuatu walaupun diperkecilkan	78	3.94	0.78
Boleh membuat keputusan pantas	78	3.59	0.71
Rangkaian kenalan	78	3.91	0.90
	78	3.72	0.84

5-Point Scale: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Agak Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

Mengikut **Jadual 3.3** di atas, menunjukkan kesemua item tahap penilaian sendiri keusahawan pelajar tahun akhir BM118 dan BM232 adalah pada tahap yang sederhana (min 3.72) kecuali bagi item “Tidak perlukan faedah sampingan” menunjukkan skor yang paling rendah iaitu min 2.90. Item “Bertanggungjawab atas kejayaan atau kegagalan” pula menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu min 4.14. Sisih piawai (SD) yang relatifnya rendah untuk semua item menunjukkan tahap penilaian sendiri semua responden adalah boleh dianggap sebagai homogenus atau hampir sama.

### Soalan Kajian: Apakah tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan BM118 dan BM232?

Bagi perbandingan tahap penilaian sendiri keusahawanan di antara pelajar BM118 dan BM232, **Jadual 3.4** di bawah menerangkan dapatan dapatan kajian:

**Jadual 3.4** Perbandingan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar BM118 dan BM232

Self Assessment Items	BM118			BM232		
	N	Mean	SD	N	Mean	SD
Kesediaan bekerja 50 jam atau lebih seminggu	55	3.44	0.86	23	3.43	1.16
Sokongan keluarga	55	4.13	0.84	23	4.09	0.90
Sanggup menerima risiko kewangan & kerjaya	55	3.53	0.72	23	3.70	0.97
Tidak perlukan faedah sampingan	55	2.96	0.86	23	2.74	0.86
Bertanggungjawab sepenuhnya	55	4.09	0.70	23	4.09	0.95
Pengalaman kejayaan kewangan	55	3.91	0.80	23	4.04	1.02
Perasaan hebat apabila berjaya menyiapkan projek	55	4.20	0.78	23	4.30	0.93
Tahap tenaga yang tinggi utk jangkamasa lama	55	3.65	0.64	23	3.87	0.92
Seronok mengawal sendiri tugas dan keputusan	55	3.87	0.79	23	4.04	0.71
Bertanggungjawab atas kejayaan atau kegagalan	55	4.11	0.60	23	4.22	0.90
Keinginan kuat untuk memperoleh keputusan positif	55	4.02	0.62	23	3.78	1.17
Kefahaman yang baik mengurus perniagaan	55	3.40	0.63	23	3.78	1.00
Mampu berfungsi walau dalam keadaan sukar	55	3.45	0.66	23	3.83	1.23
Ibu bapa adalah seorang usahawan	55	2.93	1.27	23	3.30	1.55
Percaya pada kebolehan dan kemahiran sendiri	55	3.27	0.80	23	3.43	1.08
Dipercayai dan disenangi	55	3.56	0.63	23	3.87	1.06
Menyiapkan setiap projek yang dimulakan	55	3.96	0.69	23	3.83	1.11
Sanggup melakukan sesuatu walaupun diperkecilkan	55	3.91	0.75	23	4.00	0.85
Boleh membuat keputusan pantas	55	3.53	0.60	23	3.74	0.92
Rangkaian kenalan	53	3.82	0.84	23	4.13	1.01
	55	3.69	0.76	23	3.81	1.02

5-Point Scale: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Agak Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

**Jadual 3.4** di atas menunjukkan tahap penilaian kendiri keusahawanan pelajar BM232 adalah lebih tinggi daripada pelajar BM118. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis responden mempunyai tahap penilaian kendiri keusahawanan yang sederhana iaitu BM118 (min 3.69) dan BM232 (min 3.81). Dari segi perbandingan item, skor min tertinggi bagi pelajar BM118 dan BM232 didapati adalah pada item yang sama iaitu item “Perasaan hebat apabila berjaya menyiapkan projek” dengan skor min 4.20 bagi pelajar BM118 dan skor min 4.30 bagi pelajar BM232. Ini menunjukkan, pelajar tahun akhir kedua-dua program mempunyai tahap penilaian kendiri yang hampir sama. Dapatan ini seiring dengan kajian oleh Mohar, Leilanie, Rahayu dan Ainon Jauhariah (2009) yang merumuskan bahawa tidak wujud perbezaan signifikan di antara pelajar yang mengambil program diploma dan pelajar yang mengambil program sarjana muda berhubung persepsi mereka terhadap keputusan kerjaya sebagai usahawan.

## 6. Analisis Perhubungan

**Soalan Kajian: Wujudkah hubung kait di antara tahap penilaian kendiri keusahawanan dan program yang diambil?**

Jadual berikut menunjukkan keputusan ujian korelasi Pearson di antara Tahap Kendiri Keusahawanan Pelajar dengan Program yang Diambil oleh Pelajar.

**Jadual 3.5** Ujian Korelasi Pearson untuk Perkaitan di antara Program dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar

		Program	Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan
Program	Pearson Correlation	1	0.112**
	Sig. (2-tailed)		0.000
	N	78	78
Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan	Pearson Correlation	0.112**	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	
	N	78	78



\*\*Korelasi signifikan pada aras keertian 0.01

Keputusan ujian korelasi Pearson seperti **Jadual 3.5** di atas menunjukkan bahawa wujudnya korelasi positif yang signifikan tetapi lemah di antara Program dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan (0.112). Dapatan ini menyokong kajian oleh Norfadhilah dan Halimah (2010) yang mendapati bahawa kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh jurusan pengajian responden.

**Soalan Kajian: Wujudkah hubung kait di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan pencapaian akademik (cgpa)?**

**Jadual 3.6** Ujian Korelasi Pearson untuk Perkaitan di antara CGPA dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan Pelajar

		CGPA	Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan
CGPA	Pearson Correlation	1	0.286**
	Sig. (2-tailed)		0.000
	N	78	78
Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan	Pearson Correlation	0.286**	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	
	N	78	78

\*\*Korelasi signifikan pada aras keertian 0.01

Keputusan ujian korelasi Pearson seperti **Jadual 3.6** di atas juga menunjukkan bahawa wujudnya korelasi positif yang signifikan tetapi ianya juga lemah di antara CGPA (tahap pencapaian akademik) dan Tahap Penilaian Kendiri Keusahawanan (0.286). Keputusan ini dapat dikaitkan dengan kajian dari Xue Fa, David Yoon & Liang Chen (2011) bahawa pilihan untuk menjadi usahawan tidak bergantung kepada proses pembelajaran. Hen Chandra (2013) mendapati bahawa pencapaian akademik tidak mempengaruhi minat seseorang untuk menjadi usahawan kerana untuk menjadi seseorang usahawan ianya ditentukan oleh dua perkara iaitu pilihan ataupun desakan.

## 7. Perbincangan dan Kesimpulan

Pebincangan akan berdasarkan kepada objektif serta persoalan-persoalan kajian yang memfokuskan kepada tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar-pelajar, perkaitannya dengan pencapaian akademik berdasarkan CGPA, begitu juga dengan perkaitannya terhadap program yang sedang diambil oleh pelajar-pelajar tahun akhir BM118 dan BM232. Kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa melalui ujian korelasi Pearson membuktikan bahawa terdapat hubung kait yang positif di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan pencapaian akademik pelajar-pelajar BM118 dan BM232. Namun hubung kait tersebut adalah pada tahap yang lemah. Terdapat dua faktor yang dapat dikaitkan dengan hasil kajian ini. Pertamanya, menurut kajian lepas ianya jelas menunjukkan bahawa kecenderungan seseorang untuk memilih kerjaya sebagai seorang usahawan bukanlah bergantung sepenuhnya terhadap pembelajaran bidang keusahawanan tetapi lebih kepada pilihan untuk menjadi usahawan ataupun desakan menjadi usahawan Hen Chandra (2013). Selain itu, *Theory Planned Behavior* menyatakan, terdapat dua elemen yang mempengaruhi minat menceburi keusahawanan iaitu, *personal attitude* dan *perceived behavior control*. Kedua-dua elemen ini adalah datang dari diri pelajar itu sendiri.

Kajian yang sama dijalankan telah menunjukkan bahawa melalui ujian korelasi Pearson membuktikan bahawa terdapat hubung kait yang positif di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan program yang diambil oleh sama ada pelajar-pelajar BM118 atau BM232. Kajian membuktikan juga walaupun wujudnya hubung kait di dalam ujian ini, namun hubung

kait tersebut adalah lemah. Kajian ini membuktikan bahawa tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar tahun akhir BM118 dan BM232 berada pada tahap sederhana. Pelajar juga secara keseluruhannya menunjukkan mereka masih ada kebimbangan dan masih memikirkan tentang faedah sampingan (*fringe benefits*) yang biasanya diterima oleh mereka yang dibayar gaji. Keputusan ini dapat dikaitkan dengan kajian yang lepas oleh Sizong Wu & Lingfei Wu (2008) di mana didapati pelajar diploma adalah lebih cenderung meminati bidang keusahawanan kerana mereka lebih muda dan bersemangat manakala pelajar jurusan sarjana lebih berminat kepada kerjaya yang stabil. Kajian juga melaporkan bahawa pelajar kejuruteraan lebih berminat menjadi usahawan berbanding mereka yang mempelajari bidang keusahawanan. Kajian ini juga mendapati tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar-pelajar BM118 dan BM232 adalah hampir sama. Walaupun secara keseluruhannya tahap penilaian sendiri keusahawanan kedua-dua pelajar BM118 dan BM232 adalah pada tahap sederhana, secara statistik, kajian ini mendapati tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar-pelajar BM232 adalah lebih tinggi berbanding pelajar BM118. Namun kedua-dua kumpulan pelajar didapati mempunyai persamaan iaitu mereka berasa hebat apabila berjaya menyiapkan projek dengan skor min yang paling tinggi.

## 8. Cadangan

Dengan mempertimbangkan semua dapatan di dalam kajian ini, dirasakan adanya ruang dan keperluan untuk meningkatkan lagi tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar-pelajar ini memandangkan ianya masih di tahap sederhana. Program-program serta kursus-kursus berkaitan seperti motivasi keusahawanan perlu sering didedahkan kepada kumpulan pelajar-pelajar ini. Penekanan perlu diberi kepada isu-isu yang melibatkan faedah sampingan yang masih menjadi kebimbangan kepada mereka.

Di dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap penilaian sendiri keusahawanan ini, tumpuan yang lebih harus diberikan kepada kumpulan pelajar BM118 berbanding kumpulan pelajar BM232. Selain itu, walaupun kedua-dua kumpulan pelajar ini mempunyai pandangan dan perasaan yang sama berhubung berasa hebat apabila berjaya menyiapkan sesuatu projek, namun motivasi yang berterusan dan konsisten perlu terus dipupuk. Walaupun kajian membuktikan kaitan yang lemah di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan pencapaian akademik pelajar, namun ianya masih signifikan untuk meningkatkan tahap penilaian sendiri keusahawanan pelajar. Oleh itu adalah perlu untuk memastikan pencapaian akademik pelajar yang baik dengan mengadakan program-program yang mampu memberi motivasi dan meningkatkan pencapaian akademik mereka.

## 9. Cadangan untuk Kajian akan Datang

Penyelidik mencadangkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan di dalam kajian-kajian yang akan datang. Kajian berkaitan isu yang serupa tetapi dengan menggunakan populasi sampel yang berbeza harus dibuat seperti meliputi program-program lain di fakulti yang sama, dan juga program-program di fakulti yang lain. Ini mampu untuk mendapatkan satu kesimpulan yang lebih tepat dan jitu. Kajian yang sama tetapi dengan skop yang berbeza seperti di kalangan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS di dalam negara dicadangkan. Kajian ini juga mampu membuat kesimpulan yang lebih holistik dan seterusnya meningkatkan graduan-graduan universiti yang bukan sahaja mampu mendapatkan kerja malah mampu mencipta pekerjaan. Kajian juga mendapati terdapatnya kaitan, walaupun lemah di antara tahap penilaian sendiri keusahawanan dan program yang diambil oleh pelajar samada BM118 atau BM232. Oleh kerana pelajar BM232 didapati mempunyai tahap penilaian sendiri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar BM118, maka dicadangkan satu kajian dijalankan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada perkara ini.

## 10. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini diharap memberi kesedaran kepada para mahasiswa tahun akhir tentang kepentingan menguasai kemahiran keusahawanan semasa mereka masih dalam pengajian. Kajian ini juga diharap dapat membantu tenaga pengajar dan pengurusan fakulti dalam melahirkan graduan yang lebih berdaya saing. Oleh itu, jelaslah bahawa pilihan untuk menjadi usahawan bukanlah bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran dan pendedahan mengenai keusahawanan, malah ianya bergantung juga kepada sendiri pelajar itu sendiri. Walau bagaimanapun, pembelajaran yang diwujudkan di universiti haruslah dipelbagaikan di mana bukan sahaja memberi pendedahan kepada keusahawanan tetapi mengkhususkan keyakinan dan keberanian pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

## 11. Rujukan

- Azhar, A., Javaid, A., Rehman, M. & Hyder, A. (2010). Entrepreneurial Intentions among Business Students in Pakistan. *Journal of Business Systems, Governance and Ethics*, 5(2), 13 - 21.
- Boon, B. & Abdol Aziz, A. (2010). Profil Keusahawanan Di kalangan Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Chen C. C., Greene, P. G., & Crick, A. (1998). "Does Self-Efficacy Distinguish Entrepreneurs from Managers?" *Journal of Business Venturing* 13: 295-316.
- Drnovs'ek, Wincent & Cardon. (2009). Entrepreneurial self-efficacy and business start-up: developing a multi-dimensional definition, emeraldinsight. Retrieved from [http://www.ef.uni-lj.si/docs/osebnestrani/entrepreneurial\\_self-efficacy.pdf](http://www.ef.uni-lj.si/docs/osebnestrani/entrepreneurial_self-efficacy.pdf).
- <http://en.calameo.com/read/003055267c85dd8dd322a>. Retrieved on September 16, 2016.
- <https://www.statistics.gov.my/dosm/index.php?r=column/pdfPrev&id=NEgxdEZab3A2cmUwUjR0ZU4wMmVmQT09>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (Mac 2016). Retrieved on 30 Oktober 2016.
- Kangasharju, A., & Pekkala, S. (2002). "The role of education in self-employment success in Finland", *Growth and Change*, Vol. 33, pp. 216- 37.
- Kothari, H. C. (2013). Impact of Contextual Factors on Entrepreneurial Intention, *International Journal of Engineering and Management Research*. Volume-3, Issue-6, pp 76-82. Retrieved from [www.ijemr.net](http://www.ijemr.net).
- Nadzri, S., Saleh, N., & Mohd Buhary, M. A. (2015). Analisis Demografi Graduan IPT Dalam Bidang Keusahawanan di Malaysia. *Proceeding of the 2<sup>nd</sup> International Conference on Management and Muamalah 2015 (2<sup>nd</sup> ICoMM)*, 16th–17th November 2015, e-ISBN: 978-967-0850-25-2311.
- Norfadhilah Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1) (2010): 11-17.
- Peterson, R. A. (1994). "A Meta-Analysis of Cronbach's Coefficient Alpha". *Journal of Consumer Research*, 21, September 1994, pp. 381 -391.
- Ramli, J. (nd). <http://eprints.utm.my/10353/1/bab6.pdf> Pengertian Konsep Kendiri.
- Self Assessment Survey Retrived from <http://wrdp.org/wp-content/uploads/Entrepreneur-Self-Assessment-Survey.pdf>.
- Sizong Wu Lingfei Wu. (2008). The impact of higher education on entrepreneurial intentions of university students in China. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Vol. 15 Iss: 4, pp. 752-774. Retrieved from <http://www.emeraldinsight.com/doi/full/10.1108/14626000810917843>.
- Xue Fa Tong, David Yoon King Tong & Liang Chen Loy. (2011). Factors Influencing Entrepreneurial Intention Among University Students. *International Journal Of Social*

- Sciences And Humanity Studies Vol 3, No 1, 2011 ISSN: 1309-8063. Retrieved from [http://www.sobiad.org/ejournal\\_ijss/arhieves/2011\\_1/xue\\_fa\\_tong.pdf](http://www.sobiad.org/ejournal_ijss/arhieves/2011_1/xue_fa_tong.pdf).
- Yusof, M., Mohd Nor, L., Tasnim, R., & Abu Samah, A. J. (2009). Proses Pembelajaran dan hubungannya dengan keputusan kerjaya pelajar untuk menjadi usahawan: Kajian ke atas pelajar-pelajar bachelo dan diploma di Universiti Tun Abdul Razak. *Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawan*.
- Zaidatol Akmaliah & Lope Pihie. (2009). Entrepreneurship as a Career Choice: An Analysis of Entrepreneurial Self-Efficacy and Intention of University Students. *European Journal of Social Sciences* – Volume 9, Number 2. Retrieved from [http://www.researchgate.net/profile/LopePihie/publication/266218767\\_Entrepreneurship\\_as\\_a\\_Career\\_Choice\\_An\\_Analysis\\_of\\_Entrepreneurial\\_Self-Efficacy\\_and\\_Intention\\_of\\_University\\_Students/\\_links/56e7627908ae4cbe4d42e9d9.pdf](http://www.researchgate.net/profile/LopePihie/publication/266218767_Entrepreneurship_as_a_Career_Choice_An_Analysis_of_Entrepreneurial_Self-Efficacy_and_Intention_of_University_Students/_links/56e7627908ae4cbe4d42e9d9.pdf)
- ▼ Zhao, H., Seibert S. E., & Hills, G. E. (2005). The mediating role of self-efficacy in the development of entrepreneurial intentions. *Journal of Applied Psychology*, 90(6), 1265–1272. Retrieved from [http://ex-libris.weebly.com/uploads/8/4/4/6/8446807/the\\_mediating\\_role\\_of\\_selfeficacy\\_in\\_the\\_development\\_of\\_entrepreneurial\\_intentions.pdf](http://ex-libris.weebly.com/uploads/8/4/4/6/8446807/the_mediating_role_of_selfeficacy_in_the_development_of_entrepreneurial_intentions.pdf).